

---

## PERATURAN PERMAINAN MEMANAH

### 1 PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang "World Archery" (WA).

1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

1.1.3 Kejadian diluar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-

1.1.3.1 Semua kejadian akan diputuskan berasaskan Peraturan Am SUKIPT 2024.

1.1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada Undang-Undang "World Archery" (WA).

#### 1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT 2024.

## 2 PERATURAN PERTANDINGAN

### 2.1 Acara/Kategori yang dipertandingkan

#### 2.1.1 Kategori Individu

Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada empat (4) orang peserta lelaki dan empat (4) orang peserta wanita kategori Recurve dan Compound.

#### 2.1.2 Kategori Berpasukan

Satu pasukan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) orang dan tidak lebih daripada empat (4) orang peserta bagi setiap kategori Recurve dan Compound.

### 2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Bilangan pemain dan pegawai bagi setiap pasukan adalah seperti berikut :

ACARA / KATEGORI	LELAKI		WANITA	
	RECURVE	COMPOUND	RECURVE	COMPUND
Pengurus / Jurulatih	2		2	
Atlet	4	4	4	4

## 2.2.2 Ringkasan Penyertaan

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	Lelaki	Wanita		
Individu & Berpasukan	8	8	4	20

## 2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut format 70m round / 50m round bagi pusingan kelayakan dan elimination round mengikut format World Archery (WA).

### 2.3.2 Acara Individu

#### 2.3.2.1 Pusingan Kelayakan (Qualification Round)

Setiap pemanah akan bertanding di dalam pusingan kelayakan (70m Round & 50m Round) dengan memanah pada jarak 70m bagi kategori Recurve dan 50m bagi kategori Compound.

#### 2.3.2.2 Pusingan Kalah Mati (Olympic Round)

64 pemanah terbaik daripada pusingan kelayakan dalam setiap kategori akan dipilih untuk pertandingan di dalam pusingan olimpik. Setiap pemanah akan disusun mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat undangundang WA). Bagi kategori recurve, pemanah akan memanah pada jarak 70m dengan menggunakan 'target face' 122cm

dimana kiraan menggunakan “set system” (lihat undang-undang WA). Bagi kategori compound, pemanah akan memanah pada jarak 50m dengan menggunakan ‘target face’ 80cm (6 rings) dimana kiraan menggunakan “cumulative scoring system” (lihat undang-undang WA). Setiap pertandingan menemukan dua (2) peserta dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya

### 2.3.3 Acara Berpasukan

16 pasukan dalam setiap kategori (3 orang pemanah setiap pasukan) teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah-markah yang dikumpulkan oleh pemanah-pemanah dalam pusingan kelayakan. Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dengan memanah pada jarak 70m bagi kategori recurve dan 50m bagi kategori compound dengan menggunakan jadual pertandingan yang dikeluarkan oleh WA (lihat undang-undang WA). Setiap pertandingan menemukan dua (2) pasukan dan pemenang akan maju ke peringkat seterusnya.

2.3.4 Acara Berpasukan

Campuran Dalam setiap kategori, setiap pasukan terdiri daripada dua peserta iaitu seorang (lelaki) dan seorang (wanita) dipilih berdasarkan skor terbaik mereka semasa pusingan kelayakan individu. 16 pasukan dalam setiap kategori teratas akan dipilih berdasarkan daripada markah-markah yang dikumpulkan oleh pemanahpemanah dalam pusingan kelayakan. Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah mati dengan memanah pada jarak 70m bagi kategori recurve dan 50m bagi kategori compound dengan menggunakan jadual pertandingan yang dikeluarkan oleh WA (lihat undang-undang WA). Pemanah lelaki dan wanita yang dibentuk untuk berpasukan campuran mesti daripada pasukan dan kategori yang sama.

Recurve		Compound
Lelaki / Wanita Jarak 70m 70m Round 6 ends (6 arrow/end) x 2 Target Face 122cm	<b>Pusingan Kelayakan</b>	Lelaki/Wanita Jarak 50m 50m Round 6 ends (6 arrow/end) x 2 Target Face 80 cm (6 rings)
Jarak 70m Target Face 122cm 5 sets (3 arrow/set) Set system	<b>Pusingan Olimpik Individu</b>	Jarak 50m Target Face 80cm (6 rings) 5 ends (3 arrow/end) Cumulative scoring
Jarak 70m Target Face 122cm 4 sets (6 arrow/end) Set system	<b>Pusingan Olimpik Berpasukan</b>	Jarak 50m Target Face 80cm (6 rings) 4 sets (6 arrow/end) Cumulative scoring
Jarak 70m Target Face 122cm 4 sets (4 arrow/end) Set system	<b>Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran</b>	Jarak 50m Target Face 80cm (6 rings) 4 sets (4 arrow/end) Cumulative scoring

### **3 PAKAIAN**

- 3.1 Pakaian hendaklah yang bersesuaian dan tidak melanggar undangundang WA.
- 3.2 Peralatan Recurve dan Compound serta kelengkapan berkaitan yang tidak melanggar undang-undang WA.

### **4 HADIAH**

- 4.1 Pusingan Kelayakan (70m & 50m Round) (Setiap kategori)
  - Johan - Lelaki / Wanita
  - Naib Johan - Lelaki / Wanita
  - Ketiga - Lelaki / Wanita
  
- 4.2 Pusingan Olimpik Individu (Setiap kategori)
  - Johan - Lelaki / Wanita
  - Naib Johan - Lelaki / Wanita
  - Ketiga - Lelaki / Wanita
  
- 4.3 Pusingan Olimpik Berpasukan (Setiap kategori)
  - Johan - Lelaki / Wanita
  - Naib Johan - Lelaki / Wanita
  - Ketiga - Lelaki / Wanita
  
- 4.4 Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran (Setiap kategori)
  - Johan - Recurve / Compound
  - Naib Johan - Recurve / Compound
  - Ketiga - Recurve / Compound

4.5 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Individu (70)						
Recurve (L)	1	1	1	1	1	1
Recurve (W)	1	1	1	1	1	1
Individu (50)						
Compound (L)	1	1	1	1	1	1
Compound (W)	1	1	1	1	1	1
Olimpik Individu						
Recurve (L)	1	1	1	1	1	1
Recurve (W)	1	1	1	1	1	1
Compound (L)	1	1	1	1	1	1
Compound (W)	1	1	1	1	1	1
Olimpik Berpasukan						
Recurve (L)	1	4	1	4	1	4
Recurve (W)	1	4	1	4	1	4
Compound (L)	1	4	1	4	1	4
Compound (W)	1	4	1	4	1	4
Olimpik Berpasukan Campuran						
Recurve	1	2	1	2	1	2
Compound	1	2	1	2	1	2

---

JUMLAH	14	28	14	28	14	28
--------	----	----	----	----	----	----